

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

(a) Tulis **satu ayat** bagi setiap pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataanitu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) tunjuk - telunjuk
- (ii) guruh - gemuruh
- (iii) kuncup - kemuncup

[6 markah]

(b) Kenal pasti jenis-jenis ayat perintah di bawah dan nyatakan sama ada ayat tersebut **ayat suruhan, ayat permintaan, ayat silaan atau ayat larangan**.

- (i) Tolong padamkan lampu sebelum meninggalkan bilik ini.
- (ii) Jangan minum air yang terdedah itu.
- (iii) Sila serahkan borang permohonan yang telah lengkap ke pejabat.
- (iv) Fikirkanlah sebelum kamu bertindak.
- (v) Jemputlah datang ke rumah saya pada hujung minggu ini.
- (vi) Hantarlh buku itu sebelum pulang.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebihdaripada satu kesalahan ejaandan satu kesalahan penggunaanimbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Doktor Azira teringatkan pesakitnya supaya menghabiskan antiboitik itu dalam masa seminggu.
- (ii) Kami akan pembantu nenek menyiapkan tempahan tempeyek terutamanya pada musim-musim perayaan secara sukarela.
- (iii) Encik Azman meminta pekerjaanya memfotostet perjanjian jual beli itu sebanyak lima persalinan untuk diberikan kepada pelanggannya.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sikap boros perlu dielakkan kerana mendorong kita menghilangkan wang demi untuk membeli barang yang tidak mustahak.
- (ii) Semua murid-murid tidak sabar untuk menyaksikan tayangan teater muzikal yang akan diadakan bersempena dengan Minggu Kesenian nanti.
- (iii) Gadis itu menjerit dengan sekuat-kuat hati bila beg tangannya dirampas oleh dua orang lelaki bermotosikal.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Sepanjang lima tahun beliau menguruskan syarikat itu, pelbagai rintangan telah berjaya dihadapi bersama-sama dengan kakitangannya.
- (ii) Kita hendaklah berasa insaf dan berusaha untuk membetulkan sesuatu kesalahan apabila kita menyedari kesalahan yang telah dilakukan.
- (iii) Majlis sambutan rumah terbuka itu telah selesai, namun masih kedengaran rungutan daripada sesetengah pihak kerana atur caranya tidak lancar.

[6 markah]